

27/05/1999

Kenyataan Mahathir berdasar fakta

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kenyataannya berhubung salah laku seksual Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didakwa menghina bekas Timbalan Perdana Menteri itu, adalah berdasarkan bahan dan fakta benar.

Perdana Menteri berkata, kenyataan itu yang dibuat dalam sidang akhbar pada 22 September tahun lalu, membawa maksud Anwar adalah seorang homoseksual; melakukan perbuatan di luar aturan tabii; tidak bermoral; tidak layak memegang jawatan awam dan parti serta seorang yang mempunyai kecenderungan jenayah.

Beliau berkata demikian dalam afidavit untuk menyokong permohonannya membatalkan saman malu Anwar yang menuntut ganti rugi RM100 juta daripadanya.

Afidavit itu dikemukakan di pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil Wisma Denmark di sini, pada 24 Mei lalu dan media memperolehi dokumen itu hari ini.

Mahkamah Tinggi menetapkan 10 Jun ini untuk mendengar permohonan itu di depan Hakim Datuk Kamalanathan Ratnam.

Dr Mahathir berkata, beliau juga sudah mengemukakan pembelaan penuh terhadap saman itu dan Anwar tidak mempunyai sebab mengambil tindakan ke atasnya.

Perdana Menteri mengesahkan seorang lelaki yang disebut sebagai Aness dalam sidang akhbaranya itu, adalah Dr Munawar Ahmad Aness yang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen pada 19 September tahun lalu.

Menurutnya, Dr Munawar didakwa serta mengaku bersalah terhadap tuduhan mengikut Sesyen 377D Kanun Keseksaan dan Anwar terbabit sama dalam kesalahan itu.

Katanya, fakta kes mengenai kejadian melakukan perbuatan di luar aturan tabii itu dibacakan di mahkamah dan kesalahan berkenaan berlaku di sebuah bilik kecil berdekatan perpustakaan, tingkat atas, rumah Anwar di No 8 Jalan Setia Murni 1, Bukit Damansara di sini, pada satu malam Mac 1993.

Beliau berkata, Dr Munawar mengaku bersalah ke atas tuduhan itu dan dalam rayuan bagi meringan hukuman, Dr Munawar menerusi peguam belanya mengaku Anwar ada melakukan hubungan seksual dengannya.

Menurutnya, peguam bela Dr Munawar memberitahu mahkamah perbuatan tidak bermoral itu dilakukan di dalam kereta serta rumah Anwar dan pada kejadian itu Dr Munawar menjadi rakan pasif.

Katanya, Dr Munawar dihukum penjara enam bulan di atas pengakuannya itu dan sabitan hukuman itu masih kekal hingga hari ini.

Perdana Menteri berkata, kebenaran kenyataannya itu juga disokong oleh pengakuan bersalah Sukma Darmawan Sasmitaat Madja yang diliwat Anwar pada 19 September tahun lalu di Mahkamah Sesyen.

Menurutnya, Sukma Darmawan mengaku diliwat Anwar pada satu malam April 1998, di Kediaman Rasmi Timbalan Perdana Menteri, No 47 Jalan Damansara di sini, yang ketika itu didiami oleh Anwar.

Beliau berkata, Sukma Darmawan juga mengemukakan pengakuan bertulis yang ditandatangani di depan Majistret dan ia dikemukakan sebagai rayuan bagi meringankan hukuman terhadap kesalahan mengikut Seksyen 377D di depan Hakim Mahkamah Sesyen.

Katanya, dalam pengakuan Sukma Darmawan itu, Anwar adalah rakan aktif dalam perbuatan seksual ke atas Sukma Darmawan termasuklah melakukan liwat.

Menurutnya, Sukma Darmawan dihukum penjara enam bulan di atas kesalahan itu dan ia dilaporkan secara meluas oleh akhbar harian bersama hukuman yang diterima oleh Dr Munawar sebelum sidang akhbar itu.

Dr Mahathir berkata, pengakuan Sukma Darmawan serta Dr Munawar itu berlaku dua hari sebelum sidang akhbarnya dan kenyataannya mengenai Dr Munawar hasil maklumat yang diberikan oleh polis.

Sehubungan itu, katanya, beliau dinasihatkan oleh peguam caranya bahawa kenyataannya dalam sidang akhbar itu berdasarkan kepada bahan dan fakta yang benar kerana ada bukti pembabitian Anwar dalam perbuatan seksual tidak bermoral itu.

Katanya, ketika beliau membuat kenyataan itu ia sudah menjadi pengetahuan umum dan pengakuan bersalah Sukma Darmawan, Dr Munawar serta pembabitian Anwar dalam perbuatan seksual itu menjadi bukti kesalahan mereka.

Beliau memohon kepada mahkamah supaya membatalkan saman itu dengan kos kerana ia tidak mempunyai sebab munasabah; mengaibkan; remeh; menyusahkan dan menyalahgunakan proses mahkamah.

(END)